



15 MAR, 2026

## THT akui cabaran getir pertahan treble musim ini

Harian Ekspres (KK), Malaysia



### THT akui cabaran getir pertahan *treble* musim ini

KUALA TERENGGANU: Pasukan Hoki Terengganu (THT) mengakui bakal berdepan cabaran getir dalam misi mempertahankan gelaran juara *treble* musim 2026 apabila kehilangan tiga tonggak utama.

Presiden THT Mohd Fikri Harun berkata tiga pemain itu termasuk penyerang kebangsaan Mohamad Akhimullah Anuar Esook, Syarman Mat Tee dan pemain tengah Nik Aiman Nik Rozemi yang berhijrah ke pasukan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Mohd Fikri bagaimanapun berkata kekurangan itu tidak akan melemahkan semangat THT yang telah pun memulakan latihan lebih awal, iaitu pada akhir tahun lepas.

“Tahun ini cukup mencabar terutama daripada pesaing terdekat, iaitu TNB kerana tiga tonggak utama yang juga pemain Malaysia telah berhijrah ke pasukan itu. Malah saya difahamkan lebih kurang 15 pemain Malaysia berada dalam pasukan TNB.

“... tetapi kami ambil itu sebagai satu cabaran yang sihat dan membuat persiapan awal termasuk latihan di dalam dan luar Terengganu. Insya-Allah dengan kemampuan pemain yang ada, kami mampu mengharungi cabaran yang ada bermula dengan Piala Sumbangsih pada 11 April nanti,” katanya ketika dihubungi pada Sabtu.

Mohd Fikri berkata bagi mengharungi Liga Hoki Malaysia (MHL) kali ini, THT yang dibimbing oleh Seo Jongho masih mengekalkan 90 peratus pemain lama dan merekrut beberapa tonggak import baharu dari India dan Afrika Selatan bagi memperkuat pasukan.

Selain itu, THT juga bakal diperkuatkan dengan kehadiran bekas penyerang kebangsaan Firhan Ashari yang juga anak jati Terengganu. – Bernama